

Peluang lihat kitaran hidup penyu

Program pemuliharaan penyu di Resorts World Kijal beri kesedaran kepada orang ramai

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Proses pemuliharaan penyu yang dijalankan Resorts World Kijal (RWK) di sini, membuka peluang kepada tetamu resort itu merasai sendiri pengalaman melihat kitaran hidup haiwan marin berkenaan.

Usaha pemuliharaan yang dilakukan itu diiringi dengan aktiviti-aktiviti bersama tetamu seperti menonton penyu bertelur dan menanam telur penyu dan pelepasan anak penyu.

Penyu yang menjadi maskot ikonik negeri ini biasanya naik bertelur di pantai Terengganu dari April hingga kemuncaknya pada September setiap tahun.

Ragunathan menunjukkan cara-cara menanam telur penyu untuk proses pemuliharaan yang dijalankan di resort itu.

Kebanyakan ibu penyu yang mendarat termasuklah yang biasa dilihat iaitu penyu agar atau nama saintifiknya Chelonia Mydas dan juga yang agak jarang dijumpai, penyu Hawksbill (Eretmochelys Imbricata).

Kebiasaannya, penyu-penyu tersebut akan kembali ke permukaan pantai di tempat haiwan itu menetas dan pantai sepanjang 7.6 kilometer (km) di RWK merupakan salah satu kawasan pendaratan penyu di bumi Darul Iman ini.

Dalam masa tiga bulan, telur-telur tersebut akan diinkub dengan tanah dan apabila tiba bulan penuh, anak penyu yang menetas akan keluar dari sarang lalu muncul di permukaan pantai sebelum berlumba ke laut.

Selepas tahun berganti tahun kebanyakan daripada penyu-penyu itu akan kembali ke pantai yang sama.

Pengurus Bahagian Keseronokan dan Pengembangan RWK, K Ragunathan berkata, kehadiran semula penyu yang telah dewasa itu melengkapkan kitaran kehidupan haiwan marin berkenaan.

"RWK sentiasa ada untuk menyambut



Melihat proses penyu bertelur bakal memberi pengalaman mengagumkan kepada tetamu.

Tetamu juga berpeluang melepaskan anak penyu yang baru menetas di pantai RWK.

dibersihkan mengikut jadual untuk memastikan ia sentiasa bersih dan selamat untuk ketibaan penyu-penyu dan juga tetamu melakukan aktiviti.

Katanya, seiring itu pihak resort turut bekerjasama dengan Pejabat Perikanan Negeri Terengganu bagi mendapatkan perlindungan secara rasmi untuk pantai mereka dan juga mengesahkan program pemuliharaan penyu yang dijalankan.

Sementara itu, Ragunathan berkata, bagi mereka yang cenderung ke arah ekologi ataupun yang penuh rasa ingin tahu, boleh mengambil bahagian dalam pelepasan anak penyu yang baru menetas atau sesi penanaman telur penyu dengan bayaran cuma RM49 setiap sesi.


Bagi tetamu yang mahu melihat penyu bertelur di waktu malam bayaran dikenakan pula hanya RM70 seorang dan mereka akan menyaksikan haiwan itu sama ada di resort atau di Santuari Penyu Ma' Daerah Kerteh atau Pantai Teluk Mak Nik, Kuala Kemaman.

Santuari Penyu Ma' Daerah dan Pantai Teluk Mak Nik merupakan tempat yang popular untuk melihat penyu di daerah ini.

Tempat-tempat tersebut juga diberi sokongan oleh RWK melalui pembersihan pantai tahunan Jabatan Perikanan.



Ragunathan menerangkan proses penetasan telur penyu di pusat penetasan di Resorts World Kijal.



Pakej yang disediakan termasuk menyaksikan penyu bertelur.